

PERPUSTAKAAN AWAM PASIR GUDANG

KERATAN AKHBAR BERKAITAN PASIR GUDANG

16 JANUARI 2021
SABTU



AKHBAR


TAJUK BERITA

M/S

KOSMO

PERODUA KANCIL JADI TAPAK BISNES BURGER

2



KOSMO

Kosmo! SABTU 16 JANUARI 2021



MOHD. HALIM menunjukkan Perodua Kancil yang telah diubah suai untuk menjalankan perniagaan menjual burger di Taman Sierra Perdana, Masai, Pasir Gudang, Johor.

Bekas pekerja perkapalan keluar modal RM5,000

Perodua Kancil jadi tapak bisnes burger

Oleh RAJA JAAFAR ALI

JOHOR BAHRU – Hendak seribus daya, tak hendak seribu dalih.

Itu yang dilakukan seorang bekas pekerja am syarikat perkapalan, Mohd. Halim Ratman, 45, yang berjaya mengubah suai sebuah kereta Perodua Kancil menjadi kendera saji atau food truck untuk menjalankan perniagaan menjual burger di Taman Sierra Perdana, Masai di sini.

Menurut Mohd. Halim, dia selalu ini bekerja di salah sebuah syarikat perkapalan di Pasir Gudang, namun kehilangan kerja selepas majikannya terpaksa menghentikan operasi susulan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) akibat pandemik Covid-19 sejak Mac lalu.

Menurutnya, situasi itu

bagaimanapun tidak mematahkan semangatnya untuk mencari rezeki sebaliknya menggunakan wang simpanan yang ada untuk memulakan bisnes menjual burger dikenali MHR Burgers.

“Selain kerajaan umum PKP pada Mac tahun lalu, syarikat tempat saya bekerja terpaksa tutup operasi, memang rasa tertekan sebab hilang kerja tapi hidup kena teruskan.

“Idea membuka gerai burger menggunakan kereta Kancil tumbul apabila saya melihat sebuah rancangan di televisyen bagaimana seorang penjaja mengubah suai kereta untuk dijadikan gerai,” katanya ketika ditemui Kosmo! di sini baru-baru ini.

Tanpa melengahkan masa, Mohd. Halim turus membuka langkah untuk memulakan bis-

nes dengan membeli sebuah kereta Perodua Kancil terpakai dengan harga RM500.

Jelas bapa kepada tiga cahaya mata itu, dia mengubah suai kereta kompak itu kepada kendara saji hasil sentuhan sendiri dengan kos kira-kira RM4,000.

Berbekalkan pengalaman menjual burger sejak umur belasan tahun, Mohd. Halim bersama isterinya, Dayang Salbiah M. Arshad, 34, membuka kendera saji di Taman Sierra Perdana.

Katanya, antara menu yang menjadi signatur MHR Burgers adalah burger ayam rangup yang dijual pada harga RM5 sebijik.

“Selain itu kami sediakan pelbagai menu pilihan burger mengikut cita rasa pelanggan antaranya burger daging, ayam serta sosis,” katanya.

